

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA) SET 2

Markah

100

KERTAS 1

Masa: 1 jam 30 minit

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

Bahagian A [15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kemalangan itu melibatkan lima buah kenderaan termasuk dua buah kereta _____ empat roda.

- A pilihan
- B pacuan
- C panduan
- D putaran

Morfologi – Kata Nama | Pengetahuan Sistem Bahasa – Kosa Kata | Aras: R

- 2 “Diminta ibu bapa masuk ke _____ dewan sekarang kerana program akan dimulakan sebentar lagi,” kata juruacara majlis itu.

- A tepi C dalam
- B penjuru D hadapan

Morfologi – Kata Tugas | Pengetahuan Sistem Bahasa – Kosa Kata | Aras: R

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Datuk memberikan nasihat secara *halus* tanpa menyinggung perasaan kami.
- II Ibu amat menyukai kain batik yang dihadiahkan oleh ayah kerana jahitannya sangat *halus*.
- III Budi pekerti Azlin yang *halus* menyebabkan dia disenangi oleh kawan-kawannya.
- IV Puan Aisyah berhati-hati ketika memandu keretanya di jalan raya yang *halus* itu.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Morfologi – Kata Adjektif | Pengetahuan Sistem Bahasa – Kosa Kata | Aras: R

- 4 I Adik *menonton* perlawanan bola sepak hingga larut malam.

II Setiap malam, ayah akan *menonton* rancangan berita untuk mengetahui isu semasa.

III Ibu *menonton* tangan saya semasa melintas jalan yang sibuk itu.

IV Kami *menonton* gambar sambutan Hari Raya Aidilfitri yang tersimpan dalam album tersebut.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Morfologi – Kata Kerja | Pengetahuan Sistem Bahasa – Kosa Kata | Aras: R

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Cikgu Mecca menasihati muridnya agar menabung demi masa depan mereka.

- A bagi masa depan mereka
- B dalam masa depan mereka
- C antara masa depan mereka
- D demi masa depan mereka

Sintaksis – Pelbagai Frasa | Pengetahuan Sistem Bahasa – Tata Bahasa | Aras: B

- 6 Syuhada dan Raudhah berasa bangga sebab tugas yang mereka lakukan telah berjaya.
- A kerana tugas yang mereka lakukan
 - B sebab tugas yang dilakukan mereka
 - C kerana tugas yang dilakukan oleh mereka
 - D oleh sebab tugas yang mereka lakukan

Sintaksis - Bahagian Fasa I Pengetahuan Sistem Bahasa - Tatabahasa I Aras: S

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Buah dari dusun yang dijual di gerai-gerai di tepi jalan itu sangat segar dan murah.
- II Cikgu Riduan berasa amat lega kerana anak muridnya berjaya dalam Kuiz Matematik pada kali ini.
- III Kenaikkan harga rumah sangat membebaskan golongan muda untuk memiliki rumah sendiri.
- IV Sekolah kami telah mengadakan program yang tersangat menarik sekali.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Sintaksis - Tatabahasa I Pengetahuan Sistem Bahasa - Tatabahasa I Aras: R

- 8 I Tiap hari Rosli menolong ayahnya menjual ikan di pasar.
- II Puan Zaida kecewa kerana ada di antara buah ciku yang dibeli olehnya masih muda.
- III Mereka telah diberikan tempoh seminggu oleh tuan rumah untuk mengosongkan rumah sewa tersebut.
- IV Guru disiplin akan mengumumkan pelantikan pengawas baharu dalam perhimpunan pagi ini.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

Sintaksis - Tatabahasa I Pengetahuan Sistem Bahasa - Tatabahasa I Aras: R

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Amalan jimat cermat perlu dipupuk dalam diri anak-anak sejak mereka kecil lagi kerana banyak mendatangkan faedah.
- A Anak-anak yang berjimat cermat mendatangkan banyak faedah.
 - B Pemupukan tabiat berjimat cermat banyak faedah kepada anak-anak.
 - C Banyak faedahnya berjimat cermat jika dipupuk dalam diri anak-anak sejak kecil.
 - D Anak-anak perlu dididik dengan amalan jimat cermat sejak kecil kerana amalan ini mendatangkan banyak faedah.

Sintaksis - Struktur Ayat I Pengetahuan Sistem Bahasa - Tatabahasa I Aras: S

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

10

Ayah sering mengingatkan kami supaya tidak bersikap tamak dalam kehidupan kerana nanti akan merugikan diri sendiri.

Peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah

- A alah bisa tegal biasa
- B belakang parang kalau diasah nescaya tajam
- C yang dikejar tak dapat, yang dikendong kecikiran
- D kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya

Peribahasa I Pengetahuan Sistem Bahasa - Peribahasa I Aras: R